

## NEWS CLIPPING

Event	7 ELEVEN LANCAR SUPAHIRO BEAR COLLECTION
Publication	HARIAN METRO
Page/ Section	BUSINESS
Date	10 DECEMBER 2015
Time	6:59AM

### 7-Eleven lancar Supahiro Bear Collection



Kuala Lumpur: 7-Eleven Malaysia melancarkan program kesetian 'Justice League Supahiro Bear Collection' seiring dengan hasrat membantu Persatuan Impian Kanak-Kanak Malaysia (CWS).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Gary Brown berkata, bermula 8 Disember 2015 hingga 1 Februari 2016, pelanggan menerima satu pelekat program bagi setiap pembelian bernilai RM5.

BROWN (kanan) bersama Navaratnam (kiri) pada majlis pelancaran Supahiro Bear.

"Pelanggan memperoleh pelekat tambahan sekiranya memilih produk rakan kongsi seperti ambipur, Coca cola, Spritzer dan banyak lagi. Setelah mengumpulkan semua 24 pelekat, pelanggan boleh menukarkannya kepada salah satu koleksi Supahiro Bear.

"Pengumpul juga boleh mengambil bahagian dengan menyumbangkan RM1 kepada CWS dalam merealisasikan impian kanak-kanak kurang bernasib yang menghidap pelbagai jenis penyakit apabila memuatnaik gambar Supahiro Bear di laman sosial Facebook mahupun Instagram dengan #CWSMalaysia, #Supahiro dan #7ElevenMY," katanya pada majlis pelancaran Supahiro Bear, di sini.

Sementara itu, Presiden CWS, Tan Sri Datuk Dr R V Navaratnam berkata, sejak memulakan perkhidmatan pada 2008, pihaknya telah merealisasikan impian 600 kanak-kanak daripada pelbagai aspek berjumlah sehingga RM3 juta.

"Kami berharap kerjasama bersama 7-Eleven ini sedikit sebanyak dapat membantu mereka yang terpilih selain berhasrat untuk memaksimum jumlah bantuan," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 10 Disember 2015 @ 6:59 AM